

11 DEC 1999  
BSKL-MINGGUAN  
SAHAM KL DINIAGA DLM JAJARAN SEMPIT MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka diniagakan dalam jajaran sempit minggu depan manakala pengambilan untung pada Jumaat oleh peruncit-peruncit akan berterusan pada awal minggu.

Peruncit-peruncit yang mengumpulkan pegangan pada Khamis dan awal pagi Jumaat menyimpan keuntungan mereka pada lewat Jumaat selepas pengumuman barisan Kabinet oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4.00 petang.

Bagaimanapun, peniaga-peniaga berkata jualan runcitan susulan itu dijangka diimbangi oleh belian institusi terpilih kerana perubahan kecil dalam Kabinet akan memberikan kesinambungan dalam dasar-dasar pemulihan ekonomi.

"Kawalan modal yang membantu meningkatkan semula ekonomi, pengukuhan sektor kewangan dan pelan pemulihan ekonomi akan kekal kukuh," kata seorang peniaga.

Kebelakangan ini pasaran dilemahkan oleh kebimbangan berterusan terhadap pembentukan Kabinet baru terutama mengenai sama ada Tun Daim Zainuddin akan kekal sebagai Menteri Kewangan.

Daim, yang menjadi jentera penggerak utama dalam membawa kepada pemulihan ekonomi dengan dasar pro-pertumbuhannya mengekalkan jawatannya.

"Dengan berakhirnya pengumuman Kabinet baru itu, pelabur-pelabur akan mencari petunjuk baru tetapi Belanjawan 2000 tidak dijangka menawarkan kepada mereka sebarang petunjuk baru," kata seorang peniaga.

Ia, katanya, kerana Daim sering menegaskan bahawa beliau akan "tetap mengekal pembentangan belanjawan yang sama", merujuk kepada ucapan pembentangan belanjawannya baru-baru ini.

Dr Mahathir juga menyatakan belanjawan tahun depan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 20 Dis ini.

Sepanjang minggu, Indeks Komposit meningkat 18.97 mata kepada 743.60, Indeks Emas kukuh 4.51 mata kepada 189.48 manakala Indeks Perusahaan naik 7.02 mata kepada 1,269.97.

Jumlah dagangan dalam pasaran normal meningkat kepada 734.188 juta saham bernilai RM2.250 bilion daripada 549.216 juta saham bernilai RM1.633 bilion pada minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan pasaran normal Papan Utama meningkat kepada 666.372 juta saham bernilai RM2.063 bilion daripada 520.121 juta saham bernilai RM1.567 bilion.

Jumlah dagangan Papan kedua naik kepada 67.815 juta saham bernilai RM186.798 juta daripada 29.095 juta saham bernilai RM66.025 juta.

Urusniaga langsung meningkat kepada 85.372 juta saham bernilai RM279.779 juta berbanding dengan 61.938 juta saham bernilai RM191.956 juta sebelumnya.

Daripada 10 kaunter paling cergas, Berjaya Group-Warrants (BGR-W) susut satu sen kepada 27 sen, Malaysia Airports Holdings (Airports) rendah enam sen kepada RM3.02, Pan Malaysian Industries (PMI) berkurangan lima sen kepada 81 sen, Malayan United Industries (MUI) susut satu sen kepada 95 sen dan Time Engineering naik 16 sen kepada RM1.14.

Resorts World meningkat RM1.05 kepada RM10.10, UDA Holdings menambah enam sen kepada RM1.75, Renong rendah empat sen pada RM2.01, Malaysian Resources Corporation (MRCB) susut satu sen kepada RM2.43 dan Phileo Allied Bhd-ICULS (Phil-C1) naik RM1.32 kepada R1.32.

BGR-W menyumbang 29.099 juta saham yang diniagakan, Airports 22.112 juta, PMI 19.965 juta, MUIB 19.768 juta, Time 19.300 juta, Resorts 18.122 juta, UDA 17.755 juta, Renong 16.103 juta, MRCB 13.732 juta dan Phil-C1 13.514 juta.

Daripada saham mewah, Telekom naik 70 sen kepada RM12.50, Tenaga Nasional meningkat 25 sen kepada RM8.95 dan Maybank menambah 40 sen kepada RM13.20.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 13.911 juta saham yang diniagakan di Papan Utama pasaran normal, barangan perusahaan 65.209 juta, pembinaan 38.645 juta, perdagangan/perkhidmatan 243.748 juta, prasarana 16.879 juta, kewangan 68.824 juta, hotel 1.462 juta, harta 63.80 juta, perladangan 8.080 juta, perlombongan 3.853 juta, amanah 199,000, dana tertutup 256,000, pinjaman 48.710 juta, TSR/warrants 90.049 juta dan dagangan hak 2.746 juta.

Di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutarga Automasi Malaysia (Mesdaq), Indeks Komposit Mesdaq (MCI) susut 0.63 mata kepada 71.25.

Saham komponen tunggalnya, Supercomal Technologies Bhd, kekal tidak berubah pada RM2.30.

-- BERNAMA

AD ZK